

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JULY 2017

## Sandiwara raih undi

### Melayu

UM-28/7/2017 13  
KUALA LUMPUR 27 Julai

- Pelantikan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Pakatan Harapan adalah satu sandiwara untuk meraih undi orang Melayu pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang.



Ketua Pergerakan Wanita UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Zurainah Musa (**gambar**) berkata, kesepakatan di antara DAP dan PKR menamakan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Pakatan Harapan hanyalah untuk mengaburi kekacauan dan kepincangan dalaman pakatan yang sedang berlaku.

“Jawatan Dr. Mahathir hanya sebagai umpan untuk memancing undi orang Melayu dalam pilihan raya selain keinginan beliau sendiri menjadi Perdana Menteri sekali lagi.

“Rakyat perlu sedar akan permainan politik pakatan yang hanya berpaksikan kepada agenda peribadi masing-masing dan bukannya untuk berjuang kepada rakyat,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Zurainah berkata, rakyat perlu menilai dan membuat keputusan dengan tepat untuk memilih parti dan barisan kepimpinan yang benar-benar terbukti mengemudi negara dengan makmur, harmoni dan stabil.

“Lihat sahaja reaksi suami-suami kuku pemimpin DAP dan PKR tentang kerjasama dengan PPBM lebih-lebih lagi untuk melantik Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri juga tidak mendapat kesepakatan semua parti dalam Pakatan Harapan,” katanya.